uum/AA48/um/27.06.2005 (p: 14(1).

# Staf UUM mati ketika daki gunung aktif sukan

um 27/6/05 14:1

Oleh **DALIZA ARIFFIN**

ALOR STAR 26 Jun — Anggota pengiring kumpulan pendaki gunung dari Universiti Utara Malaysia (UUM) yang meninggal dunia sewaktu mendaki Gunung Chamah, Gerik, Perak semalam merupakan seorang yang aktif dalam kegiatan sukan lasak khususnya berkayak sejak di bangku sekolah lagi.

Allahyaham Shahril Othman, 28, yang merupakan penyelia asrama UUM juga pernah mewakili Kedah dalam acara berkayak pada kejohanan Sukan Malaysia (Sukma) yang pernah diadakan di Pahang.

Abang Allahyarham, Zafri Othman, 38, berkata, minat Shahril yang mendalam terhadap aktiviti sukan air itu telah memberi peluang kepadanya menerima anugerah pelajar terbaik dalam kegiatan kokurikulum di sekolahnya dahulu iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman, Jalan Putra di sini.

Bagaimanapun, jelasnya, ini merupakan aktiviti pertama Allahyarham mendaki gunung kerana beliau lebih banyak tertumpu kepada kegiatan berasaskan sukan air.

Beliau menyifatkan Shahril seorang yang pendiam sehinggakan jarang bercerita mengenai pengalaman menarik atau pelbagai cerita-cerita lain mengenai dirinya selama ini.

"Kali terakhir saya jumpa arwah pada 4 Jun lalu ketika menghadiri majlis pertunangan salah seorang adik di Kuala Lumpur dan dia (ar... tida... hyak... akap... lam... pedi... enav...



**BONDAN Kassim (kiri) dan Zafri Othman melihat gambar Allahyarham Shahril yang meninggal dunia semasa ekspedisi mendaki Gunung Cambah, Gerik, ketika ditemui di rumah mereka di Alor Star, semalam.**

dengan kami semua cuma hanya memberitahu dia (arwah) akan berpindah ke rumah sewa barunya berdekatan dengan universiti itu," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di rumahnya di Kampung Seberang Terus, di sini hari ini.

Shahril yang mengiringi enam pelajar UUM merupakan salah sebuah daripada tujuh kumpulan kecil peserta lain mewakili universiti itu ... tujuh puncak gunung (G7) di semenanjung secara serentak semalam.

Gunung yang didaki oleh tujuh kumpulan itu ialah Gunung Tahan dan Yong Belar di Pahang, Chamah (Kelantan), dan Gunung Chamah, Korbu, Gayong, Yong Yap serta Ulu Sepat di Perak.

Mangsa dipercayai mengalami sesak nafas dan terus meninggal dunia dalam hutan di kawasan Sungai Relak pad... kul ... sem...

Zafri memberitahu, adiknya yang tinggal di kuarters UUM di Sintok sejak bekerja di universiti tersebut tiga tahun lalu tidak menunjukkan sebarang perubahan sebelum ini tetapi banyak mengurung diri dan tidur di biliknya.

Selain itu, ibunya, Bondan Kassim, 58, berkata, anak kelimanya daripada enam beradik itu juga tidak memberitahu kepadanya mengenai rancangan mengikuti ekspedisi ...aki g...g di ...



**SHAHRIL OTHMAN**

"Arwah sempat berpesa... kepada abangnya supay... rancangan ekspedisi itu tida... diberitahu kepada saya kera... na sekiranya saya tahu m... ngenai ekspedisi mendaki g... nung itu saya tidak benarka... dia pergi apatah lagi say... diberitahu bahawa arwah d... mam sebelum pergi ke P... rak," katanya.

Bondan berkata, berita s... dih itu telah dimaklumka... kepadanya oleh pihak UU... lebih kurang pukul 5 petan... dan sebelum itu beliau bera... sa begitu gelisah sejak p... mergian anaknya untuk m... ngikuti ekspedisi menda... gunung tersebut.

Beliau turut berterima ka... ih kepada pihak UUM keran... telah menguruskan segal... urusan pengkebumian jena... zah Shahril di samping ba... tuan Jabatan Bomba dan P... nyelamat dari Kuala Lumpu... yang menggunakan helikop... ter untuk membawa kelua... ...yat ...ya dari hutan.